

UMS hulur bantuan kepada mangsa banjir

UB 6.1.2015 A5

Oleh VIVI OLIVIANA
NAJURUS

KOTA KINABALU: Sebanyak tiga daerah melibatkan Kota Belud, Kudat dan Beaufort menerima bantuan banjir berupa keperluan asas seperti beras, susu dan air mineral yang disumbangkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sumbangan itu diagihkan oleh 20 kakitangan dan 80 pelajar UMS di beberapa buah kampung di daerah terbabit, selain diagihkan di beberapa pusat pemindahan akibat keadaan kampung yang masih digenangi air.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, UMS sentiasa bersiap sedia menjalankan tanggungjawab untuk menghulurkan bantuan kepada masyarakat setempat apabila melibatkan bencana sedemikian.

“ Melihat kepada kesusahan yang dialami oleh mangsa banjir, keupayaan yang ada pada kita harus digunakan untuk mengurangkan bebanan



HARUN menyerahkan sumbangan kepada Peter diperhatikan Rosnah (tengah) di Dewan Masyarakat Tun Said Keruak, Kota Belud.

dengan menghulurkan bantuan makanan serta minuman kepada mereka.

“ Selain daripada bantuan berbentuk material, kita juga akan sentiasa memberikan sokongan moral kepada mangsa banjir selain akan

membuat tindakan susulan terutamanya di kawasan-kawasan yang mudah ditenggelami air,” katanya.

Seorang penduduk, Selamat Soor, 45, bersyukur dengan bantuan yang dihulurkan daripada pihak

UMS.

“ Kami amat berterima kasih dengan keprihatinan yang diberikan oleh pihak UMS dalam membantu mengurangkan kesusahan yang dihadapi kibat daripada bencana alam berkenaan,”

katanya.

Turut hadir ketika pengagihan sumbangan ialah Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Penolong Pegawai Daerah Kota Belud Peter Jiton.